

22 AUG 1983

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Datuk Musa terharu dengan sikap Dr M

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Musa Hitam terharu dengan sikap terus-terang Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa beliau boleh bekerjasama dalam satu pasukan dengannya untuk terus mentadbirkan parti dan negara.

Beliau berkata: "Saya harus menghadapi kenyataan bahawa saya kini menjadi Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri dan saya perlu bekerjasama dengan pucuk pimpinan parti," jelasnya.

Ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno ke-34 hari ini, Datuk Musa menjelaskan bahawa beliau belum mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri mengenai kenyataannya itu.

"Saya menjadi tersipu-sipu lebih-lebih lagi apabila kenyataan itu mendapat pro dan kontra dari para perwakilan," tambahnya.